



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1676

**AKTA LEVI KENDERAAN BARANG-BARANG
(PINDAAN) 2022**

Tarikh Perkenan Diraja	8 Oktober 2022
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	18 Oktober 2022

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1676

AKTA LEVI KENDERAAN BARANG-BARANG (PINDAAN) 2022

Suatu Akta untuk meminda Akta Levi Kenderaan Barang-Barang 1983.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Levi Kenderaan Barang-Barang (Pindaan) 2022.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Seksyen baharu 7A dan 7B

2. Akta Levi Kenderaan Barang-Barang 1983 [*Akta 294*] dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 7 seksyen yang berikut:

“Kuasa untuk melanjutkan tempoh

7A. Jika, melalui Akta ini, suatu tempoh dinyatakan yang dalamnya sesuatu perbuatan atau benda hendaklah dilakukan oleh seseorang, dan Menteri berpuas hati bahawa perbuatan atau

benda itu tidak dapat disempurnakan dalam tempoh itu disebabkan oleh berlakunya kecemasan awam atau krisis kesihatan awam, Menteri boleh, mengikut terma dan syarat yang difikirkannya patut, melanjutkan tempoh untuk menyempurnakan perbuatan atau benda itu sebelum habis tempoh itu.

Kuasa untuk mengubah suai terma dan syarat

7B. (1) Jika terma dan syarat dikenakan menurut Akta ini, Menteri boleh, atas nasihat Ketua Pengarah, dari semasa ke semasa mengubah suai terma dan syarat bagi maksud melaksanakan tujuan Akta ini.

(2) Sebelum mengubah suai terma dan syarat, notis hendaklah diberikan kepada orang yang terikat dengan terma dan syarat itu menyatakan—

(a) terma dan syarat sebagaimana diubah suai; dan

(b) tarikh terma dan syarat sebagaimana diubah suai itu berkuat kuasa.

(3) Terma dan syarat yang diubah suai tidak boleh berkuat kuasa kurang daripada empat belas hari dari tarikh notis di bawah subseksyen (2) dikeluarkan.

(4) Bagi maksud seksyen ini, “ubah suai” ertinya tambah, potong atau ubah.”.